



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkeelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

'JAWATAN KOSONG'

PEMBANTU OPERASI

➤	Jawatan/Skim Perkhidmatan	:	Pembantu Operasi	
➤	Gred Jawatan	:	N11	
➤	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan	
➤	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
➤	Taraf Jawatan	:	Tetap	
➤	Jadual Gaji	:	Minimum	- RM 1,216.00
			Maksimum	- RM 2,983.00

Bidang Tugas

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia.
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM 1,216.00) ; atau

- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [Kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,262.15)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.